

Headline	KEUNIKAN KEPINGAN VENIE		
MediaTitle	Anjung Seri	Color	Full Color
Date	13 Jan 2013	Circulation	66,546
Section	NEWS	Readership	134,898
Page No	128,129	ArticleSize	1017 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 6,680
Journalist	N/A	PR Value	RM 20,039
Frequency	Monthly		



DUNIAREKAAN



Bersama
Mohamad Zamzuri M Hussain
Pensyarah Reka Bentuk Produk
Universiti Sains Malaysia



KEUNIKAN KEPINGAN VENIER

Pemanduan dari subuh hingga tengah hari dalam satu musim panas merentasi Denmark yang terkenal dengan bandar diraja tertua di Eropah iaitu Carlsberg dan Heineken sangat menyeronokkan.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN SEBAGAI AHLI DANISH DESIGN CENTRE DAN SVENSK FORM (THE SWEDISH SOCIETY OF CRAFTS AND DESIGN) MEMBUAT PENYELIDIKAN BERKENaan PENGGUNAAN VENIER ATAU KEPINGAN PAPAN LAPIS DALAM INDUSTRI PEMBUATAN PERABOT DI EROPAH KHUSUSNYA DI NEGARA SKANDINAVIA YANG MEMPUNYAI BANYAK INDUSTRI PERABOT DAN UNIVERSITI KHUSUS DALAM BIDANG INI.

Penyelidikan dijalankan untuk mengetahui perkembangan industri tersebut di Eropah dan negara kita. Selain mencari pandangan umum reka bentuk perabot dengan memberi tumpuan kepada Denmark kerana sejarah reka bentuk perabotnya yang hebat bersama teori dan kaedah yang diperkenalkan. Lawatan sambil belajar juga dibuat ke kilang perabot, bilik pameran dan muzium yang memperkenalkan gabungan estetika dan fabrikasi. Menerusi lawatan ini juga saya akan mendalamai proses reka bentuk seni bina kontemporari dengan reka bentuk dalam yang dapat membangunkan kemahiran pemerhatian kritis melalui analisis carta. Sememangnya lawatan ini amat berbaloi.

"Being a famous designer is like being a famous dentist." Noreen Morioka. Pertama kali melihat seni reka perabot venier dengan penyudah kemasan cukup sempurna, saya seakan tidak percaya bahawa penggunaan venier boleh sampai ke tahap itu. Ia sangat cantik dan mempunyai kemasan bermutu tinggi. Terpegun sejenak melihat setiap model yang baru siap dan dipamerkan itu. Keberanian yang ditunjukkan dalam idea rekaan dan proses pembuatannya



menjadikan ia kelihatan begitu mahal bersama kreativiti yang dilihamkan. Industri perabot dengan penggunaan venier ini telah lama berkembang di Eropah. Ia semakin menular di negara kita kerana keunikannya dalam proses pembentukan setiap bahagian perabot itu tanpa menggunakan kaedah penyambungan. Setiap bentuk yang diperlukan akan

dibuat semasa venier masih basah atau lembab dengan menggunakan acuan yang disediakan. Hanya perlu tunggu sehingga kering untuk mendapatkan bentuk dikehendaki. Venier perlu digam secara bertindih dan berselang-seli yang mana ira bagi tiap-tiap venier hendaklah melintang 90 darjah atau 45 darjah antara satu sama lain. Tujuannya supaya mencapai kestabilan dan kekuatan yang mempunyai dimensi stabil atau kurang merekah, tidak menggelet dan tidak mudah meleding atau berbelah. Sekali gus menggantikan dimensi yang membebankan pengeluar bahan mentah perabot. Venier juga popular dalam penghasilan papan lapis yang merupakan kayu jenis pertama direka cipta daripada lapisan venier ini.

Perabot kayu venier bermula dengan lapisan kayu nipis direka bentuk menyilang bagi mengurangkan retakan. Tambahan pula, gam yang dipakai adalah sama kuat seperti pelekat kalis air yang

Headline	KEUNIKAN KEPINGAN VENIE		
MediaTitle	Anjung Seri		
Date	13 Jan 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	66,546
Page No	128,129	Readership	134,898
Language	Malay	ArticleSize	1017 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,680
Frequency	Monthly	PR Value	RM 20,039



Gambar perabot ini adalah rekaan dan buatan pelajar di salah sebuah universiti di Denmark.

digunakan di dalam pesawat dan pembinaan marin. Jadi, ia sebenarnya lebih kuat daripada kayu pepejal yang mana venier sering digunakan dalam proses akhir perabot. Ia boleh menjadi lebih mahal daripada kayu. Kayu balak adalah yang terbaik dan paling menarik untuk digunakan bagi pembuatan venier sekali gus boleh menjana pendapatan lebih banyak kerana kualitinya lebih tinggi jika dipotong sebagai venier. Ia juga boleh memberi kemungkinan penciptaan banyak rekaan baru. Ini kerana sejak ia dilekatkan dengan pelekat kalis air, ia menghasilkan permukaan yang tidak terdedah kepada pergerakan meleding atau membengkok untuk memudahkan lagi proses pembuatannya.

Venier juga boleh dikelaskan dengan beberapa gred bergantung kepada kualitinya. Gred A merupakan kualiti terbaik atau mengandungi *knot* kecil yang boleh dilindungi dengan menyumbat kayu atau penampal tiruan. Gred B adalah kualiti venier kedua terbaik yang mempunyai permukaan padat tetapi mungkin mengandungi diameter *knot* dan rekaan permukaan kecil manakala gred C dianggap kualiti rendah, tetapi masih boleh menjadi pilihan. Gred ini mengandungi *knot* yang rapat hingga diameter 3.8 cm, lubang *knot* terbuka, permukaan merekah dan warna berubah. Gred D dianggap sebagai kualiti terendah dan biasanya digunakan untuk permukaan

belakang. Kebiasaannya terdapat beberapa *knot* kecil dan besar hingga diameter 6.4 cm.

Malaysia sebagai antara negara pengeluar kayu terbesar

yang mempunyai banyak bahan mentah harus mengambil kesempatan ini. Peluang terbuka luas menjana pendapatan dalam industri membabitkan penggunaan venier mahupun mengekspot bahan mentah tersebut ke negara yang memerlukan. China yang menambah pengeluarannya telah

mula bersaing secara langsung dengan Malaysia dan Indonesia bagi merebut bahagian pasaran ini serta berusaha gigih mendapat pengiktirafan di seluruh dunia. Untuk tujuan itu, Malaysia harus terus memperkuatkannya produk berlandaskan bahan ini dan pasaran khususnya

menerusi papan lapis kegunaan khas seperti papan lapis marin, *film face*, papan lapis fleksibel, *floorboards* kontena, kepingan venier berlapisan dan *lumber* venier berlapisan dalam menjana sumber pendapatan tinggi kepada negara. Kita mempunyai organisasi khusus untuk kayu dan perabot seperti FRIM, MTIB, MTIC, MIFF dan sebagainya, maka seharusnya kita tidak ketinggalan dalam hal ini.

Saya sempat singgah di pekan kecil Odense untuk menikmati *sandwich* dan kopi di tempat kelahiran penulis novel terkenal H.C.Andersen. Tidak sah kalau tidak melihat Little Mermaid kalau ke Copenhagen. *AS*

**“The life of a designer
is a life of fight: fight
against the ugliness.”**
Massimo Vignelli